



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ENCIK HAJI RAHMAD BIN SIDIN
VETEREN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU TENTANG KESELAMATAN
NEGARA

NUR AIN BINTI MUHAMAD

(2018441144)

IZZEIRA BINTI HAZURIN

(2018224548)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER SEPTEMBER 2019-JANUARI 2020

SEJARAH LISAN (MISI OP KOTA ECHO)

ISI KANDUNGAN

	Isi Kandungan	M/S
	Abstrak	i
	Penghargaan	ii
	Senarai Abreviasi	iii
	Senarai Singkatan	v
	Rujukan Kata	vi
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penemubual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan kepada tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	8
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	9
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Topik 1: Kezaliman Komunis	11
	4.2 Topik 2: Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	19
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	24
6.0	Log Temubual	71
7.0	Ralat	85
8.0	Glosari	86
9.0	Indeks	87
10.0	Bibliografi	92

SEJARAH LISAN (MISI OP KOTA ECHO)

ABSTRAK:

Wawancara ini adalah di antara Nur Ain binti Muhamad dan Izzeira binti Hazurin dengan Encik Haji Rahmad bin Sidin, seorang veteran tentera yang banyak memberi sumbangan kepada perkembangan keselamatan negara di Malaysia. Beliau telah berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selama 21 tahun dan beliau ditempatkan di unit Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD). Beliau juga pernah terlibat dalam beberapa pertempuran yang melibatkan negara kita. Antaranya, pertempuran di antara Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU) dan Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS) dengan ATM di Sabah dan pertempuran di antara Parti Komunis Malaya (PKM) dengan ATM di Gopeng, Perak. Selain itu, beliau juga telah menerima beberapa anugerah iaitu Pingat Jasa Malaysia (JPM) dan Pingat Pangkuan Negara (PPN) oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong. Pengalaman beliau yang terlalu luas dalam bidang keselamatan negara di negara kita perlulah dimanfaatkan sebaik mungkin dan didokumentasikan untuk dijadikan rujukan bagi generasi akan datang.

KATA KUNCI:

Keselamatan Negara, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), Pasukan Rakyat Kalimantan Utara (PARAKU), Pasukan Gerila Rakyat Sarawak (PGRS), Parti Komunis Malaya (PKM)

SEJARAH LISAN (MISI OP KOTA ECHO)

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu kami memanjatkan rasa syukur kami kepada Allah S.W.T kerana memberi kami kekuatan dan kesempatan untuk menyiapkan tugas wawancara bersama Encik Haji Rahmad, Veteran Angkat Tentera Malaysia (ATM) mengenai pengalaman beliau dalam bidang keselamatan di tanah air kita.

Jutaan ucapan terima kasih kami tujukan khas buat Encik Haji Rahmad kerana sudi meluangkan masa untuk ditemuramah serta kerjasama dan komitmen yang diberikan kepada kami. Tanpa kerjasama daripada pihak Encik, mungkin kami tidak dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan sempurna.

Kami ingin mengucapkan setulus penghargaan kepada Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin, pensyarah bagi subjek Sejarah Lisan (IMR 604) ini di atas tunjuk ajar dan nasihatnya dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Tanpa tunjur ajar dan nasihat beliau sudah tentu proses menyiapkan tugas ini akan menjadi lebih sukar.

Selain itu, kami juga ingin menyampaikan rasa terima kasih dan penghargaan kami kepada kawan-kawan dan keluarga di atas galakan, sokongan dan pendapat mereka mengenai tugas ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

SEJARAH LISAN (MISI OP KOTA ECHO)

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
ARQ	Jabatan Konstal Master
CO	Comanding Officer
DAP	Democratic Action Party
DO	District Officer
IO	Information Operation
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JRP	Jawatan Rekod dan Pencen
LCE	Lower Certificate Exam
LP	Landing Point
MIO	Military Intelligence Officer
MTD	Maktab Tentera Diraja
OC	Officer Comanding
PARAKU	Pasukan Rakyat Kalimantan Utara
PD	Port Dickson
PGRS	Pasukan Gerila Rakyat Sarawak
PKM	Parti Komunis Malaya
PPA	Pingat Perkhidmatan AM
PPS	Pingat Perkhidmatan Setia
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
RGK	Rejimen Gerak Khas
RQ I	Regimental Quartermaster I
RQ II	Regimental Quartermaster II
RQMS	Regimental Quartermaster Sargent
SITRAP	Situation Report
SLR	Self-Loading Rifle
SRP	Sijil Rendah Pelajaran